

02/05/2001

Anwar tetap dilarang ke luar: PM

Kadir Dikoh; Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan tetap dengan keputusan tidak membenarkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjalani pembedahan tulang belakang di luar negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Anwar tidak mempunyai sebab menjalani pembedahan di luar negara kerana doktor tempatan berpendapat penyakit yang dihadapinya boleh dirawat di Malaysia.

Perdana Menteri menambah, kebenaran banduan menjalani rawatan atau pembedahan di luar negara bukan sesuatu yang pernah dilakukan.

"Nak pergi (menjalani pembedahan) ke luar negara ni tak pernah kita buat. Pegawai kerajaan yang nak pergi luar negara pun kena tentukan bahawa doktor kata dia tak boleh diubati di dalam negara, baru dia boleh pergi ke luar negara.

"Ini doktor di sini berpendapat dia boleh diubati dalam negara dan dia nak pergi luar negara fasal apa. Fasal apa dia nak jadi seorang yang begitu istimewa sedangkan dia seorang banduan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 Bagi Sektor Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara, di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan sekumpulan 108 individu yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat, termasuk ahli Dewan Undangan Negeri Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, semalam menandatangani satu petisyen merayu Dr Mahathir memberi kelonggaran kepada Anwar untuk mendapat rawatan sakit tulang belakang di luar negara.

Rayuan itu menyifatkan Anwar sebagai warga yang telah memberi sumbangan kepada negara dan wajar diberi kelonggaran untuk memilih rawatan perubatan sendiri.

Penyelaras petisyen itu ialah Raja Ahmad Aminullah Raja Abdullah, ahli lembaga pengarah Kumpulan Akhbar Utusan Melayu.

Dr Mahathir berkata, sakit tulang belakang yang dialami Anwar bukan luar biasa.

"Dalam dunia cuma Dr Hoogland seorang saja yang boleh berubat, ini semua karut! Kita baca segala rekod berkenaan dengan ini. Doktor semua periksa, dia bukan pakar sangat.

"(Alasan) alatan itu tak boleh naik kapal terbang, bohong. Tak ada alatan perubatan yang tak boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat.

"Dia kata, bilik bedah kita konon macam dapur. Ini satu penghinaan," katanya sambil menambah, beliau sendiri menjalani pembedahan jantung yang dikendalikan pakar bedah dan bius tempatan.

Malah, Dr Mahathir berkata, Anwar mempolitikkan kesihatannya untuk membangkitkan kemarahan orang ramai terhadap kerajaan seperti dilakukan sebelum ini.

"Tak usah cakaplah kononnya di Malaysia tidak boleh buat (pembedahan itu). Ini semua bohong. Ini politik. Macam hari itu, dia tuduh kita bagi racun dekat dia. Bohong semua. Ini dia buat masalah dengan kita fasal apa? Fasal politik saja," katanya.

Ketika ditanya kemungkinan Anwar berhasrat mendapat perlindungan politik di luar negara ketika menjalani pembedahan di seberang laut, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak tahu niatnya itu.

Mengulas tindakan Fauzi menandatangani memorandum itu, Dr Mahathir berkata, dia adalah kawan karib Anwar.

"Pernahkah Fauzi tanya kepada dia, kenapa dia tuduh kerajaan bubuh racun kepada dia.... kononnya saya bagi racun dekat dia," kata Dr Mahathir sambil menambah, kerajaan juga tidak dapat berbuat apa-apa jika ada di kalangan intelek berpendapat Anwar berhak membuat pilihan untuk menjalani rawatannya di luar negara.

(END)